

29.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.

CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

PEMBENIHAN AWAN DILAKUKAN TETAPI TIADA HUJAN DIREKOD DI KAWASAN TADAHAN AIR EMPANGAN PULAU PINANG

- Operasi pembenihan awan dijalankan oleh TUDM seperti yang dijadualkan pada 27.2.2024 dan 28.2.2024.
- Bagaimanapun, tiada hujan direkodkan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

PULAU PINANG, KHAMIS, 29.2.2024: Pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menjalankan dua operasi pembenihan awan di langit di atas kawasan tadahan air (KTA) di Pulau Pinang pada 27.2.2024 dan 28.2.2024.

Bagaimanapun, PBAPP tidak merekodkan sebarang hujan semasa atau selepas operasi pembenihan awan di KTA Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang. Oleh itu, operasi pembenihan awan ini tidak akan meningkatkan kapasiti efektif kedua-dua empangan.

Berkemungkinan, faktor penyebabnya ialah keadaan atmosfera dan awan yang tidak begitu menggalakkan. Pembenihan awan biasanya boleh merangsang lebih banyak hujan jika terdapat awan hujan pada ketinggian tertentu. Jika tiada awan, awan tidak mencukupi, atau jika suhu udara terlalu tinggi untuk titisan air terbentuk di awan dan jatuh, pembenihan awan mungkin tidak merangsangkan sebarang hujan.

Pada 8.2.2024, PBAPP mengeluarkan siaran media memohon pembenihan awan pada Mac 2024, semasa musim antara monsun, apabila awan hujan sepatutnya berleluasa di atas langit Pulau Pinang. Justeru, PBAPP berharap Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA di Jabatan Perdana Menteri) akan menugaskan TUDM untuk menjalankan operasi pembenihan awan tambahan di Pulau Pinang bulan depan.

Laporan Status Empangan Pulau Pinang (29.2.2024)

Jadual berikut mengimbas status empangan sejak awal tahun:

KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN DI BAHAGIAN PULAU				
	Kapasiti efektif maksimum (dalam juta liter - ML)	1.1.2024	29.2.2024	Perbezaan %
*Empangan Air Itam	2,160	68.9%	37%	- 31.9%
Empangan Teluk Bahang	18,240	95.4%	79.1%	- 16.3%

Harap maklum fakta dan angka penting berikut :

- Kapasiti efektif maksimum Empangan Air Itam ialah 2,160 juta liter (ML). Kapasiti efektif maksimum Empangan Teluk Bahang ialah 18,240 ML. Dari segi isipadu air, penurunan sebanyak 1% dalam kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang (182.4 ML) secara kasarnya bersamaan dengan penurunan 8.4% dalam kapasiti efektif Empangan Air Itam.
- Kapasiti efektif Empangan Air Itam adalah rendah. Walau bagaimanapun, ia telah meningkat sedikit sebanyak 4.2%, daripada 32.8% pada 5.2.2024 kepada 37% pada 29.2.2024, walaupun terdapat hanya 45mm hujan di KTA Empangan Air Itam dan cuaca panas. Peningkatan ini adalah berikutan Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024).
- Di bawah AIDAP 2024, PBAPP telah mengurangkan pelepasan harian dari Empangan Air Itam sebanyak 75%. Sehubungan itu, pengeluaran air terawat Loji Rawatan Air (LRA) Empangan Air Itam juga telah menurun sebanyak 66%. Bagi memastikan bekalan air mencukupi di Air Itam, PBAPP mengepam 33 juta liter air terawat sehari (JLH) dari LRA Sungai Dua di Seberang Perai ke kawasan perkhidmatan LRA Air Itam.
- Kejayaan AIDAP 2024 dalam “mempertahankan” Empangan Air Itam sehingga musim hujan berikutnya adalah bergantung kepada 3 faktor utama:
 1. Ketersediaan air terawat yang mencukupi dari LRA Sungai Dua dan air mentah dari Sungai Muda di Seberang Perai;
 2. Aliran masuk air mentah yang mencukupi ke 5 muka sauk air mentah bagi Empangan Air Itam dan LRA Air Itam di Pulau Pinang; dan
 3. Penggunaan air secara berhemat oleh 30,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan bekalan air Air Itam. Sila gunakan air dengan bijak sehingga hujan tiba untuk mengisi semula Empangan Air Itam.

Untuk tip-tip jimat air, sila lawati www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my